

HELAIAN KETERANGAN PRODUK (Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Comprehensive Perils Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)	TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
	IKHLAS COMPREHENSIVE PERILS TAKAFUL
	Tarikh: 01/12/2018
1) Apakah produk ini? Sijil Takaful ini adalah berdasarkan Semua Risiko (All Risks) dan produk ini melindungi mesin atau peralatan statik dan peralatan bergerak anda, contohnya komputer riba, semasa masih berada di dalam had kawasan.	
2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai? <ul style="list-style-type: none"> • Tabarru’ - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko. • Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (Ujrah) akan dibayar kepada pihak Syarikat. <p>Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.</p>	
3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan? Sijil Takaful ini melindungi: <ul style="list-style-type: none"> • Kerugian atau kerosakan harta anda atau mana-mana bahagian daripadanya akibat kebakaran, kecurian atau sebarang kemalangan atau kecelakaan yang lain. • Kerugian atau kerosakan akibat peril melainkankan peril sedemikian dikecualikan secara khusus di dalam Sijil Takaful ini. <p>Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Dengan itu, anda dikehendaki membaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.</p> <p>Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma spesifik yang berkaitan dengan manfaat yang dinyatakan diatas.</p>	
4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar? Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan pihak kami dan amaun perlindungan bagi harta tersebut: <p>Amaun Perlindungan : RM _____</p> <p>Kadar yang Dikenakan : _____ %</p> <p>Anggaran jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar ialah : RM _____</p>	

Tertakluk kepada Sumbangan Takaful minimum sebanyak RM100.00.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful :-

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful :-

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga maksima 25% daripada Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 15% daripada Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah;
- Anda harus mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang dilindungi;

Jumlah untuk Dilindungi

- Anda boleh melindungi harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian :-
 - (a) Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang hilang atau rosak setelah ditolak jumlah susut nilai, haus atau lusuh.
 - (b) Dasar Nilai Penggantian – pihak kami akan mengembalikan semula membaiki atau mengganti harta yang hilang atau rosak tanpa menolak susut nilai, haus atau lusuh, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos penggantian harta anda.
- Sekiranya jumlah yang dilindungi ke atas harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap untuk bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak kami menanggung kerugian anda.

Waranti Sumbangan Takaful

- Adalah asas dan syarat khas mutlak Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful tertunggak mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini/ Endorsmen/ pembaharuan Sijil Takaful.
- Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil Takaful ini dibatalkan secara automatik dan pihak Syarikat berhak untuk menyumbang prorata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana

Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian, kemusnahan atau kerosakan:

- Jika mana-mana ahli keluarga atau kakitangan Peserta Takaful dianggap sebagai orang utama atau orang yang bersubahat;
- Berpunca atau disebabkan oleh:
 - (a) Haus dan lusuh, karat atau kemerosotan yang disebabkan oleh keadaan atmosfera atau sebaliknya, atau kesan calar ke atas permukaan yang bercat atau digilap;
 - (b) Kerosakan data media atau program kecuai disebabkan kerosakan tersebut;
 - (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara;
 - (d) Dahagi, kekecohan awam atau pemberontakan, tentera awam, insureksi, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa;

Nota: *Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Comprehensive Perils Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Plate Glass Takaful
- *IKHLAS* Burglary Takaful
- *IKHLAS* Equipment All Risks Takaful
- *IKHLAS* Money Takaful
- *IKHLAS* Fidelity Guarantee Takaful

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/12/2018